

16/10/2003

Unit khas selaras cipta rekod dunia

reports on "Dewan Rakyat" by Veena Rusli; Rohaniza Idris
KUALA LUMPUR: Kementerian Belia dan Sukan menubuhkan Unit Cabaran Malaysia Boleh di bawah Bahagian Pembangunan Sukan bagi mengenal pasti kebolehan individu yang berhasrat mencipta rekod dunia.

Timbalan Menterinya, Datuk Ong Tee Keat, berkata unit itu akan menyediakan garis panduan serta kriteria yang diperlukan seseorang individu sebelum mencipta sesuatu rekod.

Katanya, secara pentadbirannya unit ini sudah ditubuhkan dan akan memberi khidmat nasihat kepada individu yang ingin memecah sesuatu rekod.

"Jika didapati individu itu sesuai, unit ini akan bertindak sebagai agensi penyelaras bagi membantunya berusaha mencipta rekod baru," katanya menjawab soalan Datuk Raja Zainuddin Raja Omar (BN-Larut), semalam.

Ong berkata, unit berkenaan juga akan menyelaras dengan kerajaan negeri kelahiran pencipta rekod bagi mendapat ganjaran dan pengiktirafan sesuai apabila rekod baru berjaya dicipta.

Bagaimanapun, katanya individu yang mendapat restu kementerian saja yang akan diberikan bantuan yang diperlukan.

Sementara itu, Ong berkata, anugerah gelaran Datuk yang diterima Abdul Malik Mydin kerana kejayaan merentasi Selat Inggeris, adalah hasil perbincangan kementeriannya dengan Kerajaan Pulau Pinang.

Katanya, kementerian juga membantu Abdul Malik dari segi logistik dalam cabarannya di Selat Inggeris itu, selain membiayai penginapannya di Dover.

"Kementerian juga membiayai majlis sambutan untuk Abdul Malik selepas kejayaannya itu.

Majlis ini turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.